

11 SEP 2000

Sukan-Asia (Hishammuddin)

PROGRAM LARIAN RAKYAT 2006 PADA 4 NOV INI

KUALA LUMPUR, 11 Sept (Bernama) -- Sebagai susulan kepada acara Berjalan Untuk Negara, yang mendapat sambutan yang menggalakkan, satu program "Larian Rakyat 2006" akan diadakan pada 4 Nov ini.

Menteri Belia dan Sukan Datuk Hishammuddin Tun Hussein berkata program yang hampir serupa dengan acara Berjalan Untuk Negara itu akan dijalankan serentak di seluruh negara sebagai menunjukkan sokongan padu rakyat terhadap penawaran Kuala Lumpur menjadi tuan rumah Sukan Asia 2006.

"Kita semakin menghampiri bulan November apabila kita akan mengetahui keputusan sama ada Bandaraya Kuala Lumpur terpilih ataupun tidak sebagai tuan rumah Sukan Asia 2006. Usaha ini telah dijalankan sejak tahun lepas.

"Program Larian Rakyat 2006 telah kita rancang sebagai satu lagi acara simbolik sokongan padu rakyat Malaysia untuk membawa Sukan Asia ke Kuala Lumpur pada tahun 2006," kata beliau selepas melancarkan program "Larian Rakyat 2006" di sini hari ini.

Hishammuddin berkata program itu akan dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi peringkat kebangsaan yang akan diadakan di Dataran Merdeka.

Hishammuddin berharap bilangan rakyat yang akan mengambil bahagian dalam program itu melebihi jumlah yang berjaya diperolehi ketika program Berjalan Untuk Negara pada November tahun lepas.

Kempen penyertaan program Berjalan Untuk Negara mencatatkan penyertaan seramai 2,021,477 orang melibatkan 116 daerah dan 293 lokasi walaupun sasaran awal ialah satu juta, katanya.

"Bagi program Larian Rakyat 2006 kementerian berharap bilangan peserta akan melebihi daripada program Berjalan Untuk Negara walaupun sasaran kita masih lagi satu juta, kita harus realistik," katanya.

Di samping menghayati semangat "Malaysia Boleh" melalui larian berama-ramai, beliau berkata ia bertujuan mewujudkan semangat patriotik untuk kejayaan Malaysia melalui pergorbanan bersama bagi mencapai matlamat ke arah Sukan Asia 2006.

Selain Kuala Lumpur, bandar raya yang turut menawarkan diri menjadi tuan rumah Sukan Asia 2006 ialah New Delhi (India), Doha (Qatar) dan Hong Kong.

Keputusan mengenai tuan rumah Sukan Asia 2006 akan diumumkan pada Perhimpunan Agung Majlis Olimpik Asia (OCA) di Ashgabat, Turkmenistan pada 11 Nov ini.

-- BERNAMA

ERE AHH NMO